



MAKSAK PERAK / MDBG



SESI PEMILIHAN

PEMAIN BOLA JARING

**KEJOHANAN BOLA JARING MAKSAK
TAHUN 2025 PERINGKAT NEGERI PERAK**

25 JUN 2025 (RABU) | 8.30 PAGI

GELANGGANG BOLA JARING,
PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN, JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
JALAN TEMENGGUNG OFF JALAN PASIR PUTEH, IPOH



Imbas Kod QR
Borang Penyertaan

JUMPA DI SANA!

Untuk keterangan lanjut sila hubungi :

- 017 - 5112479 (Puan Liya)
- 017 - 4017037 (Puan Falizah)



مَجْلِس دَايْرَة بَاتُو كَاچَا

MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
JALAN HAJI ABDUL WAHAB,
31000 BATU GAJAH, PERAK DARUL RIDZUAN.



Tel. : 05-363 2020/2030/2024
: 05-363 2025/2026/2027
: 05-363 2028/2029
Faks : 05-366 5930/05-363 2031
: 05-363 2036 (OSC)
Website : <http://www.mdbg.gov.my>
E-mel : pentadbiran@mdbg.gov.my

Semua Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan /
Negeri / Pihak Berkuasa Tempatan
Negeri Perak Darul Ridzuan

MDBG.100-13/1/3 (38)

Tarikh : 16 Jun 2025

YBhg. Dato' / Tuan / Puan,

KEJOHANAN BOLA JARING MAKSAK PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025

Dengan hormatnya, perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa MAKSAK Negeri Perak dengan kerjasama Majlis Daerah Batu Gajah akan menganjurkan **Kejohanan Bola Jaring MAKSAK Peringkat Negeri Perak Tahun 2025** seperti ketetapan yang berikut:

Tarikh : **25 Jun 2025 (Rabu)**
Masa : **8.30 pagi sehingga selesai**
Lokasi : **Gelanggang Bola Jaring, Pusat Kecemerlangan Sukan,
Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Jalan Temenggung Off
Jalan Pasir Puteh, Ipoh**

3. Tujuan pertandingan ini adalah **untuk mencari pemain-pemain bagi mewakili Negeri Perak ke Kejohanan MAKSAK Peringkat Kebangsaan Tahun 2025**. Kejohanan ini terbuka kepada semua ahli gabungan MAKSAK (penjawat awam) di Negeri Perak dan penyertaan adalah **terhad kepada 12 pasukan terawal yang mendaftar**.

* 4. Sehubungan itu, pihak Y.Bhg. Dato'/tuan/puan adalah dijemput untuk menyertai kejohanan ini dan **memberi pelepasan** kepada anggota kerja yang berada di bawah pentadbiran Y.Bhg. Dato'/tuan/puan untuk menghadiri kejohanan ini. Sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai berikut untuk keterangan lanjut: **Pn. Norlia Binti Annuar 017-5112479 | Pn. Nor Falizah Binti Mohd Shahri 017-4017037**. Bersama-sama ini disertakan **Borang Penyertaan** dan **Syarat-Syarat Kejohanan** tersebut untuk rujukan dan tindakan pihak Y.Bhg.Dato'/tuan/puan.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menandatangani amanah,


(**MOHAMAD RAZIF BIN RAMLI, PMP, AMP**)
Pengerusi Bola Jaring MAKSAK
Perak Darul Ridzuan

MRR/liya

“PERAK SEJAHTERA 2030”

“MUDAH, CEPAT DAN BERKESAN”



CERTIFIED TO ISO 9001:2015
CERT NO.: QMS 02227



**KEJOHANAN BOLA JARING MAKSAT TAHUN 2025
PERINGKAT NEGERI PERAK**

TARIKH

25 JUN 2025 (RABU)

MASA

8.30 PAGI HINGGA SELESAI

TEMPAT

**GELANGGANG BOLA JARING, PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN,
JABATAN PENDIDIKAN NEGERI PERAK
JALAN TEMENGGUNG OFF JALAN PASIR PUTEH, IPOH**

NAMA PASUKAN : _____

NAMA PENGURUS : _____

NO. TEL : _____

NAMA JURULATIH : _____

BIL	NAMA	NO. KAD PENGENALAN	JABATAN & NO HP
1.			
2.			
3.			
4.			
5.			
6.			
7.			
8.			
9.			
10.			
11.			
12.			

Saya pengurus pasukan seperti nama di bawah dengan ini bersetuju mengikut segala undang-undang dan peraturan serta mengikut jadual yang ditetapkan oleh pihak penganjur dan pasukan saya mengaku tidak akan mengemukakan sebarang tuntutan terhadap pihak penganjur di atas sebarang musibah ke atas diri/pasukan saya sebelum, semasa dan selepas menyertai pertandingan ini.

.....
Tandatangan Pengurus Pasukan

Nama Pengurus Pasukan : _____

No. Tel : _____

**SYARAT-SYARAT
KEJOHANAN BOLA JARING MAKSAK
PERINGKAT NEGERI PERAK TAHUN 2025**

1. NAMA PERTANDINGAN

1.1. Kejohanan Bola Jaring MAKSAK Peringkat Negeri Perak 2025

2. PENGANJUR

2.1. MAKSAK Negeri Perak dengan kerjasama Majlis Daerah Batu Gajah

3. TARIKH DAN MASA PERTANDINGAN

3.1. 25 Jun 2025 (Rabu)

3.2. 8.30 pagi sehingga selesai

4. TEMPAT

4.1. Gelanggang Bola Jaring, Pusat Kecemerlangan Sukan, Jabatan Pendidikan Negeri Perak, Jalan Temenggung Off Jalan Pasir Puteh, Ipoh

5. PERATURAN UMUM

5.1. Pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang 'International Federal Netball Association' yang berkuatkuasa serta telah diterima oleh Persatuan BolaJaring Malaysia.

6. KELAYAKAN PESERTA

6.1. Warganegara :

6.1.1 Hanya terbuka kepada **warganegara Malaysia sahaja**.

6.2. Taraf Jawatan :

6.2.1 Pegawai dan kakitangan ini mestilah terdiri dari warganegara Malaysia yang berjawatan **tetap, sementara, pinjaman atau *contract of service***;

6.2.2 Walau bagaimanapun, mereka yang bertaraf jawatannya dalam kategori sementara, pinjaman atau *contract of service*, mestilah dilantik ke jawatan yang disandang **tidak kurang dari enam (6) bulan sebelum tarikh kejohanan**.

6.2.3 Pegawai yang dilantik secara *contract for service* **dibenarkan menyertai dan mestilah dilantik ke jawatan yang disandang tidak kurang dari enam (6) bulan sebelum tarikh kejohanan**.

- 6.3 Tukar Sementara :
- 6.3.1 Pegawai/kakitangan Kerajaan yang bertukar sementara (pinjaman) ke sesuatu Jabatan/Badan Berkanun selain dari Jabatan ia bertugas, **boleh** mewakili Jabatan asalnya, jika pertukaran itu **tidak lebih dari enam (6) bulan sebelum tarikh pertandingan diadakan**;
- 6.3.2 Pegawai/kakitangan Kerajaan dalam perkhidmatan **tetap yang ditukarkan sementara** untuk bertugas di dalam Syarikat/Syarikat Berkaitan Kerajaan walaupun menerima gaji Syarikat itu, layak mewakili Majlis/Negeri di mana Syarikat itu terletak.
- 6.4 Kursus Dengan Cuti Tanpa Gaji :
- 6.4.1 Pegawai/kakitangan Kerajaan yang sedang mengikut kursus/pengajian **Cuti Tanpa Gaji** adalah layak mewakili MAKSAK Negeri di mana tempat beliau menghadiri kursus/pengajian;
- 6.5 Kursus Dengan Cuti Separuh Gaji / Bergaji Penuh :
- 6.5.1 Pegawai/kakitangan Kerajaan yang berkursus/bercuti Separuh Gaji/Bergaji Penuh kerana melanjutkan pelajaran di Pusat-Pusat Pengajian/Tempatan **layak** mewakili MAKSAK Negeri di mana Pusat Pengajian/Tempat berkursusnya ditempatkan dengan syarat mendapat kelulusan terlebih dahulu dari Setiausaha Kehormat MAKSAK Negeri/Jabatan Asalnya;
- 6.6 Pelatih-Pelatih :
- 6.6.1 Seseorang yang sedang mengikuti latihan asas seperti Polis, Tentera, Guru atau Pelatih Separa Perubatan dan setarafnya, **tidak layak** mengambil bahagian;
- 6.7 Pegawai Swasta :
- 6.7.1 Seseorang pegawai/kakitangan dari sektor **swasta** yang dipinjamkan secara sementara dengan Kerajaan, **tidak layak** mengambil bahagian;
- 6.8 Anggota Pasukan Sukarelawan :
- 6.8.1 Seseorang pegawai/kakitangan yang menganggotai pasukan sukarelawan/Askar Simpanan, Wataniah, RELA, Sukarelawan Polis, Pasukan Sukarelawan Bomba hanya dibenarkan mewakili tempat hakiki mereka bertugas.

- 6.9 Syarikat Yang Ditubuhkan Oleh Kerajaan :
- 6.9.1 Pegawai/kakitangan dari **Syarikat-Syarikat** yang ditubuhkan oleh Kerajaan, Badan Berkanun, Pihak Berkuasa Tempatan **tidak layak** mengambil bahagian;
- 6.10 Penggantungan :
- 6.10.1 Seseorang yang digantung (*suspended*) atas sebab tatatertib oleh sesuatu Persatuan Permainan di peringkat Kebangsaan/Negeri/Daerah/Jabatan Kerajaan/Badan-Badan Gabungan maka keputusan itu hendaklah dipatuhi oleh Majlis ini dan peserta itu adalah **tidak layak** mengambil bahagian. Sesiapa yang ingin membantah hendaklah menunjukkan **bukti** yang lengkap bagi memastikan bahawa pemain itu telah digantung dan tidak layak menyertai pertandingan berkenaan;
- 6.11 Khidmat Peserta Dari Badan Gabungan MAKSAK Yang Lain :
- 6.11.1 Pegawai/kakitangan dari Majlis Sukan Angkatan Tentera, Polis DiRaja Malaysia dan Jabatan Penjara, jika tidak dipilih oleh Majlis Sukan masing-masing, **boleh** mewakili MAKSAK Negeri di mana mereka bertugas;
- 6.11.2 Walau bagaimanapun, kelulusan bertulis mestilah diperolehi terlebih dahulu dari Majlis Sukan Badan Gabungan yang di mana mereka bertugas;
- 6.12.3 Surat permohonan untuk mendapat kelulusan mestilah dimajukan kepada Setiausaha Kehormat Majlis-Majlis Sukan yang berkenaan dan Salinan kepada Urusetia MAKSAK **tidak lewat dari 14 hari tarikh pertandingan**;
- 6.12 Tanggungjawab Setiausaha Kehormat Dan Pengurus Pasukan :
- 6.12.1 Setiausaha Kehormat Badan Gabungan atau Pengurus Pasukan adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan memastikan peraturan di atas dipatuhi sepenuhnya. MAKSAK Malaysia akan mengambil tindakan yang tegas atas pelanggaran mana-mana dari syarat yang dinyatakan di atas.

7. SISTEM PERTANDINGAN

- 7.1. Masa bermain 7-1-7 pada peringkat liga dan 10-3-10 peringkat akhir.
- 7.2. Penggantian pemain hanya boleh dilakukan dengan pemain yang tercedera ketika perlawanan atau sewaktu separuh masa perlawanan.

- 7.3. Pasukan yang bertanding hendaklah berada di gelanggang 15 minit sebelum perlawanan bermula. Kemenangan percuma akan diberi kepada mana-mana pasukan dengan mata 3 mata dengan jaringan 10 – 0 jika lewat.
- 7.4. Tiap-tiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya minimum 5 (lima) orang pemain sebelum satu-satu perlawanan dimulakan. Jika kurang daripada jumlah ini pasukan tersebut dikira menerima kekalahan.

8. PAKAIAN KEJOHANAN

- 8.1. Setiap pasukan hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian bagi setiap jenis permainan seperti yang digariskan dalam peraturan-peraturan pertandingan berkenaan. Seluar "tight" adalah tidak dibenarkan sama sekali.

9. PENDAFTARAN PASUKAN / PEMBENTUKAN PASUKAN

- 9.1. Tiap-tiap pasukan dibenarkan mendaftar tidak lebih daripada **12 orang** pemain. Pengurus Pasukan hendaklah membuat pendaftaran pemain kepada :

9.1.1 **Puan Norlia Binti Annuar** **017- 5112479**

9.1.2 **Puan Nor Falizah Binti Mohd Shahri** **017- 4017037**

10. PERATURAN AM

- 10.1. Sekiranya timbul apa-apa persoalan yang tidak meliputi oleh undang-undang, syarat penyertaan dan pertandingan atau mana-mana peraturan, ianya akan diputuskan berasaskan prinsip-prinsip am dan amalan biasa yang diterima umum.
- 10.2. Sebarang keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Penganjur Kejohanan adalah muktamad.
- 10.3. Penganjur kejohanan berhak mengubah mana-mana peraturanam, syarat pertandingan serta jadual permainan di saat-saat akhir atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan tanpa perlu memberitahu pasukan-pasukan yang bertanding.
- 10.4. Keputusan pengadil adalah muktamad.

11. BANTAHAN

- 11.1. Segala bantahan boleh dibuat dengan merujuk kepada Jawatankuasa Bantahan dan Rayuan yang dilantik oleh pihak penganjur kejahatan ini.
- 11.2. Setiap bantahan boleh dilakukan dengan mengisi borang bantahan dalam tempoh 30 minit selepas perlawanan tamat.
- 11.3. Setiap bantahan disertakan dengan wang tunai RM500.